

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	6 SEPTEMBER 2016

Pertemuan berkepentingan politik

um-6/9/2016



KUALA LUMPUR 5 Sept. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad semakin terdesak apabila sanggup bertemu Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur hari ini.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak (**gambar**) berkata, pertemuan itu mempunyai kepentingan politik kerana Dr. Mahathir tahu Parti Pribumi Bersatu Malaysia tidak mampu pergi jauh jika bersendirian.

Menurut beliau, Dr. Mahathir

terpaksa berbaik-baik dengan Anwar dalam usaha untuk membolehkan partinya menyertai pakatan pembangkang.

“Dr. Mahathir akhirnya mengakui beliau tidak mempunyai kekuatan untuk memastikan kejayaan partinya.

“Peristiwa Dr. Mahathir dan Anwar berjabat tangan hari ini adalah sama seperti apa yang berlaku pada 1998, sehari sebelum Dr. Mahathir memusnahkan Anwar,” katanya dalam kenyataan melalui laman blog beliau (<http://sskeruak.blogspot.my>) hari ini.